



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat
Asasi

BULETIN ASASI

Edisi JULAI DISEMBER 2021



Perutusan Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Illahi di atas limpah kurnia-Nya dan segala nikmat yang diberikan untuk kita seluruh warga Pusat Asasi UiTM.

Tahun 2021 telah melabuhkan tirainya. Seperti tahun sebelumnya, pada tahun 2021 juga kita masih diduga dengan cabaran COVID-19. Namun, berkat kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh semua warga Asasi UiTM, kita berjaya mengharungi cabaran tersebut dengan sebaiknya dan telah menghasilkan pencapaian yang cemerlang.

Di penghujung tahun 2021 juga, kita telah dilanda musibah banjir dan ada di antara kita yang terkesan dan terjejas oleh bencana yang berlaku. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa simpati dan mendoakan agar dipermudahkan segala urusan semua warga Asasi dan semua rakyat Malaysia yang terkesan. Sesungguhnya ada hikmah yang berlaku di atas segala kesulitan yang kita tempuh.

Akhir kata, terima kasih dan tahniah kepada semua di atas segala komitmen dan pengorbanan yang telah diberikan sepanjang tahun 2021. Semoga Pusat Asasi UiTM terus kekal cemerlang pada tahun 2022 dan tahun-tahun seterusnya.

PROFESOR TS.DR.SAIFOLLAH HAJI ABDULLAH
Pengarah
Pusat Asasi UiTM

Sidang Redaksi


Ketua Editor :
Rozi Hanum Shaharudin

Jurugrafik :
Muhammad Hafiz Mohd Ariff

Editor :
Nur Syakireen Ishak
Wan Syariza Wan Yadri
Nurul Hannan Mahmud
Sakinatul Ain Jelani
Nor Hisyam Husin
Fadhlina Che Arshad
Norlida Che Rose
Nur Aishah Abas
Nur Syafiqah Abdul Kadar

Pembentangan Penandaarasan Asasi Sains & Asasi Kejuruteraan 16 Julai 2021

PENULIS : FADHLINA CHE ARSHAD



Pusat Asasi UiTM telah mengadakan satu sesi penandaarasan bersama Pusat Pengajian Pra Universiti, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) secara dalam talian. Delegasi daripada Pusat Asasi UiTM dan Pusat Pengajian Pra Universiti UNIMAS telah membentangkan struktur kurikulum program dan kursus serta kaedah pentaksiran pelajar yang dijalankan oleh program Asasi masing-masing.

Sesi tersebut diteruskan dengan sesi soal jawab antara kedua-dua pihak bagi memperincikan lagi amalan terbaik dan pentaksiran alternatif yang dilaksanakan oleh program Asasi masing-masing.

Minggu Destini Siswa Sesi 1 2021/2022 6- 10 Ogos 2021

PENULIS : NORLIDA CHE ROSE

Program MDS ini merupakan minggu suai kenal pelajar baharu bersama warga Pusat Asasi samada pihak pengurusan mahupun pensyarah-pensyarah mengikut program yang ditawarkan. Pelajar yang berjaya dan telah menerima tawaran dikehendaki menyertai kumpulan telegram yang disediakan sebagai untuk mendapatkan maklumat berkaitan pendaftaran dan pembelajaran. Pendaftaran pelajar baharu telah berjaya dilaksanakan secara atas talian tanpa perlu hadir ke Pusat Asasi UiTM.

Majlis Perasmian Minggu Destini Siswa Sesi 1 2021/2022 telah diadakan pada 6 Ogos 2021 oleh YBhg. Profesor. Datuk Ts. Dr. Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM.



Syarahan Profesor Fakulti Sains Gunaan Ogos - Disember 2021

PENULIS : NUR SYAKIREEN ISHAK



Para pensyarah jemputan adalah daripada kalangan Profesor dan merupakan pakar yang disegani dalam bidang kepakaran masing-masing seperti:

- Prof. Dr. Mohd Faiz Foong Abdullah
- Prof. Dr. Mansur Ahmad
- Prof. Dr. Norizan Ahmat
- Prof. Ts. Dr. Tan Winie
- Prof. Madya Dr. Asmida Ismail
- Prof. Madya Dr. Norrizah Jaafar Sidik

Dalam usaha meningkatkan minat para pelajar Asasi Sains dan Asasi Kejuruteraan terhadap kepentingan dan keperluan menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda dalam bidang Sains dan Teknologi di Universiti Teknologi MARA, Pusat Asasi UiTM dengan kerjasama Fakulti Sains Gunaan, UiTM Kampus Shah Alam telah mengambil inisiatif untuk mengadakan ‘Syarahan Professor FSG’ yang melibatkan kursus-kursus Biologi, Kimia dan Fizik.

Disamping memberi pendedahan kepada para pelajar tentang pelbagai kursus dalam bidang sains yang ditawarkan di Universiti Teknologi MARA, para pensyarah jemputan juga dapat berkongsi pengalaman mengajar dan menjalankan penyelidikan dalam bidang masing-masing.



Konferensi Akademik UiTM 2021

27 Ogos 2021

PENULIS : NURUL HANNAN MAHMUD

Konferensi Akademik UiTM 2021, adalah satu platform perkongsian pengetahuan, pengalaman, idea dan amalan terbaik dalam kalangan ahli akademik UiTM dan juga bersama dengan pihak luar.

Bertemakan "Melestarikan Kecemerlangan Akademik", Pusat Asasi UiTM & Unit Hal Ehwal Kurikulum dengan Kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah menggalas tanggungjawab sebagai tuan rumah konferensi yang diadakan pada 27 Ogos 2021 dan telah berlangsung secara maya di saluran YouTube rasmi UiTM yang merekodkan 'viewer' seramai lebih kurang 14,800 penonton.

Ucaptama konferensi ini telah disampaikan daripada YBhg. Dato' Seri Ir Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air yang bertajuk 'The New Academia : From Niche to Global Excellence'.

Selain itu, para peserta juga dapat menyaksikan penyampaian Anugerah Akademik Universiti (AAU) yang diumumkan semasa konferensi berlangsung. Ini sedikit sebanyak dapat memupuk semangat kepada seluruh warga UiTM. Video – video pameran secara maya berkenaan setiap jabatan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) turut boleh diakses semasa sesi berlangsung.




Pertandingan Sambutan Kemerdekaan Pusat Asasi UiTM Tahun 2021 17 Ogos - 16 September 2021

PENULIS : NORLIDA CHE ROSE



Program Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Pusat Asasi ini telah diadakan pada 17 Ogos 2021 dan berakhir pada 16 September 2021. Program ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan daripada para pelajar dengan penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Antara kategori yang dipertandingkan adalah Sayembara Sajak Kemerdekaan, Pidato Kenegaraan dan Nyanyian Lagu Patriotik.



Webinar Kepimpinan & Pengurusan Organisasi (KPO) 28 & 29 Ogos 2021

PENULIS : NORLIDA CHE ROSE



Webinar Kepimpinan dan Kursus Pengurusan Organisasi khas untuk kepimpinan mahasiswa di peringkat kolej kediaman telah berjaya dianjurkan dan dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UiTM Cawangan Selangor. Seramai 1100 orang mahasiswa turut hadir secara maya untuk menimba ilmu dan pengetahuan berkenaan dengan ciri-ciri kepimpinan yang baik serta pengurusan organisasi.

Sesi ucaptama disampaikan oleh YBhg. Profesor Ts. Dr. Hj. Mohamad Kamal Bin Hj Harun yang bertajuk Leadership and Higher Education. Disamping itu, pelbagai pengisian program telah dilaksanakan seperti Pesona dan Imej, Pengurusan Emosi dan Mental, Keselamatan, Kerahsiaan dan Perisikan, Panduan Penganjuran dan Pelaporan Program dan Bicara Santai Bersama Pengetua dan Alumni JPK.

Live@PTAR: Perlembagaan dan Kemerdekaan 3 September 2021

PENULIS : NUR SYAFIQAH ABDUL KADAR

Konsep dan intipati yang difokuskan dalam program ini adalah bertujuan mempromosikan Perpustakaan Tun Abdul Razak dan memperkenalkan perkhidmatan digital yang disediakan serta mencerahkan minda mahasiswa mengenai sejarah perlembagaan negara dan kepentingannya kepada nurani anak watan.

Perkongsian kali ini telah menyentuh tentang sejarah perlembagaan menuju kemerdekaan yang sangat berguna dalam memberi kesedaran agar kita lebih menghargai serta memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara yang dicintai.



Sambutan Hari Malaysia "Malaysiaku Tercinta 16 September 2021

PENULIS : NORLIDA CHE ROSE

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dengan kerjasama Staf Residen Kolej (SRK) dan Unit Pengurusan Kolej (UPK) telah menganjurkan program Sambutan Hari Malaysia di peringkat Pusat Asasi yang bertemakan Malaysiaku Tercinta secara atas talian. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Saifollah bin Hj. Abdullah Pengarah Pusat Asasi UiTM. Pelbagai persembahan turut disajikan antaranya Tarian Zapin dan tarian tradisional Sabah iaitu Tarian Karantikung serta tayangan video pendek yang bertemakan kemerdekaan.

Program Ceramah Perkara 153 Perlembagaan: Peranan & Tanggungjawab Mahasiswa

4 Oktober 2021

PENULIS : NUR SYAFIQAH ABDUL KADAR

Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Pusat Asasi UITM dengan kerjasama Bahagian Kursi Institusi Raja-Raja Melayu bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia untuk kaum Bumiputera. Pelbagai pengisian utama dan sampingan berjaya diketengahkan oleh Profesor Datuk Dr. Shamrahayu terutamanya berkaitan dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.



Social Entrepreneurship Workshop

4 - 6 Oktober 2021


PENULIS : NUR AISHAH ABAS



Program anjuran Pusat Asasi UiTM dengan kerjasama MASMED dan ILD ini dirangka khas buat para pensyarah dan staf untuk memahami perkara asas dalam memahami konsep keusahawanan sosial dan telah dirasmikan oleh Ybhg Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM. Bengkel selama tiga hari ini terbahagi kepada ceramah, sesi dalam kumpulan serta pembentangan daripada peserta berdasarkan modul keusahawanan sosial.

Foundation In Law From The Perspective Of Asid Alumni 2 Oktober 2021

PENULIS : FADHLINA CHE ARSHAD



Di bawah seliaan mentor kepada kumpulan PI005U09, Cik Bazrina Ramly, satu program Foundation in Law: From The Perspective of ASiD Alumni telah dianjurkan bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang Program Asasi Undang-undang kepada mereka yang bakal melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi dan juga Pusat Asasi UiTM sedia ada.

Dua orang penceramah jemputan yang merupakan alumni dari Pusat Asasi Undang-Undang iaitu Cik Yasmin Ariffah binti Harizal dan Encik Aqmarul Aqil bin Ismail telah berkongsi pengalaman masing-masing dan menyampaikan ceramah yang cukup menarik.

Lawatan Rasmi Rektor Selangor 7 Oktober 2021

PENULIS : SAKINATUL AIN JELANI

Pada 7 Oktober 2021, YBhg. Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan lawatan ke Pusat Asasi UiTM Dengkil.

Perjumpaan rasmi ini telah diadakan bersama pihak Pengurusan Pusat Asasi UiTM yang turut dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian dan Unit serta Ketua-ketua Pusat Pengajian (KPP) dan koordinator kursus. Selain itu, sesi soal jawab turut diadakan dengan YBhg. Rektor UCS. Setelah selesai sesi taklimat, YBhg Rektor dibawa melawat ke sekitar kampus diiringi oleh YBhg Pengarah, Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil, Profesor Ts. Dr. Saifollah Haji Abdullah.





KATAKAN TIDAK PADA VANDALISME



'Katakan Tidak Pada Vandalisme' 10 - 16 Oktober 2021

PENULIS : NORLIDA CHE ROSE

Kempen 'Katakan Tidak Pada Vandalisme' merupakan satu program yang diadakan bagi memupuk kesedaran serta penerapan nilai dan budaya cintakan harta awam terutama kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh UiTM di kolej dan juga kampus. Kempen ni adalah satu usaha berterusan Unit Pengurusan Kolej, Staf Residen Kolej Pusat dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej bagi membantu mengurangkan perbuatan vandalisme di kampus.

Sumbangan Kit Ujian Kendiri Covid-19 14 Oktober & 5 November 2021

PENULIS : NUR SYAFIQAH ABDUL KADAR

Kementerian Pengajian tinggi (KPT) telah menyumbang sebanyak 3729 Kit Ujian Kendiri COVID-19 kepada Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil. Sumbangan diterima oleh Encik Zaidi bin Yaacob selaku wakil pihak Pusat Asasi UiTM yang menyambut baik sumbangan Kit Ujian Kendiri COVID-19 ini untuk diagihkan khas kepada para pelajar kolej yang berada di kolej kediaman.

Pusat Asasi UiTM amat berbesar hati menerima sumbangan ini dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas keprihatinan mereka. Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu Pusat Asasi UiTM dalam usaha mengekang penularan Covid-19.




Waktu Solat & Arah Kiblat Menurut Perspektif Sains & Astrofiqh 15 Oktober 2021

PENULIS : NUR AISHAH ABAS

Kuliah Pengukuhan CTU085 yang berkisar tentang Waktu Solat dan Arah Kiblat Menurut Perspektif Sains dan Astrofiqh ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Razlan Ahmad, Pensyarah ACIS UiTM Shah Alam dan merupakan salah seorang ahli aktif 'International Astronomical Center'.

Kuliah pengukuhan ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar dan warga Pusat Asasi tentang kepentingan penentuan waktu solat dan arah kiblat dalam ajaran Islam, di samping memberikan pendedahan kepada warga Pusat Asasi khususnya pelajar-pelajar tentang cara atau kaedah untuk menentukan waktu solat dan arah kiblat menurut perspektif sains dan ilmu Astrofiqh.



Kemasukan Pelajar Ke Kampus 16 Oktober 2021

PENULIS : NORLIDA CHE ROSE



Berikutan pemakluman Kementerian Pengajian Tinggi pada 29 Julai 2021, pengajaran dan pembelajaran penuntut baharu program asasi untuk sesi akademik 2021/2022 akan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian bermula Ogos 2021 setelah mengambil kira situasi penularan COVID19 dalam negara pada ketika itu.

Mahasiswa yang berkeperluan khas seperti menghadapi masalah capaian internet dan persekitaran rumah yang kurang kondusif boleh membuat permohonan rasmi kepada pengurusan universiti untuk meneruskan sesi pembelajaran di dalam kampus. Pusat Asasi telah menerima seramai 476 orang mahasiswa yang berkeperluan khas memasuki kampus mulai 14 Ogos 2021.


Webinar Humanity 101: Kita Semua Hero

19 Oktober 2021

PENULIS : NURUL HANNAN MAHMUD

Webinar anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan ICAN Pusat Asasi UiTM ini terhasil melalui kerjasama Syria Care yang terkenal sebagai NGO yang aktif memperjuangkan isu-isu kemanusiaan di Syria.

Seramai 910 penonton mengikuti sesi perkongsian Bersama Dr Taha Omar @ PU Taha, AJK Syria Care di platform YouTube rasmi Pusat Asasi UiTM. Program ini diharapkan dapat menarik minat pelajar untuk mengetahui tentang aktiviti kemanusiaan dan kesukarelawanan dengan lebih mendalam.



Exchange to Malaysia

- stayed at a Malay host family
- attended local high school
- joined PBSM
- learned about the different cultures and religions - especially Islam



Camaraderie: Learning From Experience

22 Oktober 2021

PENULIS : NUR AISHAH ABAS

Program ini telah dianjurkan oleh Kelab Bulan Sabit Merah (BSM) Pusat Asasi UiTM dan telah dihadiri oleh 694 orang pelajar. Program yang ini dianjurkan untuk memberi peluang kepada ahli kelab berkongsi pengalaman semasa menyertai aktiviti kesukarelawan dan kemanusian sehingga ke peringkat antarabangsa.

Program ini juga menampilkan jemputan istimewa daripada warga Austria, iaitu Emelia Kerekes yang hadir berkongsi pengalaman beliau semasa dalam program pertukaran pelajar.

Program Ceria Perpaduan : Tabika Perpaduan 13 November - 28 November 2021

PENULIS : NUR SYAKIREEN ISHAK

Para pensyarah dan juga para pelajar dari UiTM telah terlibat dalam Program Ceria Perpaduan: Tabika Perpaduan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Objektif program adalah untuk menambahkan dan meningkatkan keceriaan fizikal premis Tabika Perpaduan di Putrajaya dengan menghasilkan lukisan mural pada dinding luar kelas.

Program ini merupakan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) UiTM Kampus Puncak Alam dan Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil.



Kursus Pengurusan Organisasi Kelab Aktiviti Pelajar 15 November 2021

PENULIS : MUHAMMAD HAFIZ MOHD ARIFF

Peserta program ini terdiri dari Ahli Majlis Tertinggi bagi 43 kelab aktiviti pelajar kokurikulum di Pusat Asasi UiTM 2021.

Tujuan program ini diadakan untuk memberi gambaran jelas dan pendedahan kepada para pemimpin pelajar terhadap konsep pengurusan organisasi. Selain itu, program ini bertujuan memberi kefahaman dan penjelasan secara mendalam kepada peserta tentang penghasilan satu perancangan strategik yang konstruktif.



Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik 24 November 2021

PENULIS : NOR HISYAM HUSIN

Majlis Anugerah Kecemrlangan Akademik (MAKA) Sesi Ogos-Dis 2021 anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) telah diadakan pada 24 November 2021 secara langsung melalui Facebook Pusat Asasi UiTM bagi menghargai pencapaian pelajar yang cemerlang semasa Ujian Pertengahan Semester . Majlis ini juga telah mengumumkan pelajar terbaik bagi setiap program. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg Profesor Ts Dr Saifollah Hj Abdullah. Senarai pelajar terbaik bagi setiap program adalah seperti berikut:-

- Asasi Undang-Undang UiTM (Sem 1) - Fatihah Soraya Binti Sofian
- Asasi Undang-Undang UiTM (Sem 2) - Nurul Airene Aqila Binti Zunizam
- Asasi Undang-Undang KPTM - Zafira Ardini Zainal Abidin
- Asasi Kejuruteraan - Muhammad Haziq Muqri Bin Noor Shamsudin
- Asasi TESL - Nur Aqilah Binti Muhamad Nizam
- Asasi Sains - Syasha Alya Binti Mohd Nazri



Discipline of a Business Woman Not as Easy As It Looks 26 November 2021

PENULIS : NUR AISHAH ABAS

Kelab Business is Sunnah telah menganjurkan program untuk memberi pendedahan kepada pelajar Pusat Asasi UiTM berkenaan pengalaman seorang usahawan wanita untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan.

Diinspirasikan dengan kejayaan usahawan berjaya, iaitu Puan Siti Aisyah binti Ramond Zulkifli yang merupakan Pengarah Syarikat Farich Holdings Sdn. Bhd. Beliau telah membuka beberapa perniagaan seperti perniagaan 'The Founder's Cafe' dan 'Kektus Bakery Cafe'.



Malam Pertandingan Teater 2021 27 NOvember 2021

PENULIS : WAN SYARIZA WAN YADRI



Kelab Teater Pusat Asasi UiTM yang dikelolakan oleh Cik Bazrina Ramly dengan kerjasama Persatuan Teater Malaysia dengan jayanya telah menganjurkan Malam Pertandingan Teater 2021 Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil secara atas talian pada 27 November 2021. Sebanyak lima kumpulan telah berentap dan menunjukkan kehebatan masing-masing dengan pelbagai cerita dalam bentuk seni teater sama ada dalam bentuk monolog atau monodrama.

Menerusi pertandingan ini, terdapat tujuh anugerah yang dipertandingan iaitu Anugerah Pelakon Terbaik, Anugerah Pelakon Harapan, Anugerah Pengarah Terbaik, Anugerah Penulis Skrip Terbaik, Anugerah Kumpulan Terbaik, Anugerah Poster Terbaik, Anugerah Pelakon Pilihan Penonton.

Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2020 Peringkat Asasi UiTM Dengkil 2 Disember 2021

PENULIS : SAKINATUL AIN JELANI

Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2020 Peringkat Pusat Asasi UiTM diadakan bagi menghargai ahli akademik Pusat Asasi UiTM yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai bidang akademik termasuk pengajaran, penulisan, perundingan dan penyelidikan sepanjang tahun 2020. Ia adalah julung kalinya diadakan di peringkat Pusat Asasi. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada penerima anugerah.



Dr. Fatimah Salim

Anugerah Tokoh Muda Akademik



Dr. Salizatul Ilyana Ibrahim

Anugerah Ahli Akademik Harapan



**Pn. Nurul Fatahah
Asyqin Zainal**

Anugerah Inovasi dan
Pengkomersialan Produk



**Pn. Nurul Fatahah
Asyqin Zainal**

Anugerah Penerbitan
Makalah Jurnal



**Pn. Aisyah Hani
Mohd Habali**

Anugerah Pengajaran



En. Zaidi Yaacob

Anugerah Penerbitan Buku



Pn. Nur Hikamah Seth

Anugerah Seni dan Kreativiti



Dr. Ikhwan Naim Md Nawi

Anugerah Kepimpinan Akademik



Dr. Siti Rudhzhiah Che Balian

Anugerah Penyelidik Terbaik



Dr. Fatimah Salim

Anugerah Penulis Paling Prolifik



Dr. Hussein Hanibah

Anugerah Penceramah Terbaik



Pn. Nur Syakireen Ishak

Anugerah E-Pembelajaran



Dr. Siti Rudhzhiah Che Balian

Anugerah Penyelia Terbaik

Majlis Jasamu Dikenang Pusat Asasi 2021 3 Disember 2021

PENULIS : WAN SYARIZA WAN YADRI

Pada 3 Disember 2021, Pusat Asasi dengan kerjasama Kelab Kebajikan Pusat Asasi telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang, secara hibrid bagi meraikan pesara-pesara, penerima Anugerah Khidmat Setia dan Penerima APC Pusat Asasi 2019 & 2020. Majlis tersebut dilaksanakan secara hybrid dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Dalam pada itu, wakil pesara, Prof. Madya Dr. Mohd Azzam bin Abdul Rahman memaklumkan bahawa mereka amat berterima kasih kepada pihak Pusat Asasi atas majlis bagi meraikan pesara mereka meskipun dalam norma baharu. Beliau juga mendoakan agar Pusat Asasi terus berjaya dan bergerak maju bersama warga staf dan pelajarnya di masa hadapan.



Festival Kebudayaan 2021/Karyaku

PENULIS : NOR HISYAM HUSIN

Festival Kebudayaan 2021/ Karyaku merupakan festival yang dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan UiTM Shah Alam di mana terdapat beberapa pertandingan kebudayaan yang melibatkan pelajar-pelajar yang mendiami kolej kediaman di UiTM Shah Alam dan Universiti Cawangan Selangor (UCS) seperti Nyanyian Solo Irama Tradisional, Bakat Staf, Dokumentari Budaya, Monolog Digital, Deklamasi Puisi, Nyanyian Solo Moden dan Tarian Tradisional dipertandingkan yang dibuat secara atas talian.

Pelajar-pelajar Pusat Asasi UiTM tidak ketinggalan di dalam menyertai pertandingan ini yang diadakan pada Disember 2021 .Staf Residen Kolej (SRK), Unit Pengurusan Kolej (UPK) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Dengkil telah bertungkus lumus membuat persediaan bagi semua kategori yang dipertandingkan dengan membuat ujibakat, rakaman audio dan teknikal dan pengurusan pertandingan.





Gold Award, Top 5 Award dan Outstanding Video Award for KILIEX 2021 - P.O.S. by The Na's

PENULIS : FADHLINA CHE ARSHAD



Empat orang pensyarah Bahasa Inggeris dari Akademi Pengajian Bahasa telah berjaya merangkul 3 anugerah dalam 3rd Kelantan International Learning & Innovation Exhibition 2021 - Digital Edition atau KILIEX 2021. Diketuai oleh Puan Nur Amalina, dan dianggotai juga oleh Cik Bazrina, Puan Fadhlina dan Puan Janaki.

P.O.S. by The Na's merupakan permainan ilmiah dalam bentuk permainan kad untuk menguji penguasaan pemain dalam Part of Speech. Dengan inovasi produk P.O.S. by The Na's ini, kumpulan ini telah menerima Gold Medal Award, Top 5 Award for Level A : Professional (Social Science) dan Best Video Award. Tahniah diucapkan!

Penerima Geran FRGS 1/2021



Syabas dan Tahniah kepada Pusat Asasi UiTM dan kumpulan penyelidikan Pusat Asasi yang berjaya sebagai penerima geran FRGS 1/2021. Diharapkan kejayaan ini menjadi pemangkin kepada yang lain untuk terus berusaha dan maju dalam bidang penyelidikan.

PENULIS : SAKINATUL AIN JELANI

E-Content Development Competition 2021

PENULIS : ROZI HANUM SHAHARUDIN

PINGAT EMAS

1. CFS001: Drive Your Career, Ignite Your Future

Marlizawati Mohamat

Malissa Mohamed

Noor Akmal Abd Wahab

Norhafizah Mohd Zazi

Nur Shakireen Ishak

Nurul Huda Musa

Rozi Hanum Shaharudin

Siti Noorfarhana Mohd Idris

Tengku Norbaya Tengku Azhar

2. CSC253: An Extensive Online Classroom of Interactive Multimedia Course

Zazaleena Zakariah

Nawal Abdul Razak

PINGAT PERAK

1. ECW746: Environmental Monitoring

Ts. Dr. Norhafezah Kasmuri

2. CSC034: Fundamentals of Information & Communication Technology

Zazaleena Zakariah

Syamsulhairi Yaakop

Nawal Abdul Razak


Dr. Norzehan SAKAMAT

Nazatul Azleen Zainal Abidin

3. ELC080: Writing a Paragraph

Rozi Hanum Shaharudin

Afiqah Abd Aziz



Johan Penyertaan Terbanyak bagi Pertandingan e-Sulam Innovate 2021

PENULIS : WAN SYARIZA WAN YADRI



Penglibatan Pusat Asasi UiTM dalam e-Sulam Innovate 2021 membawa hasil apabila diumumkan sebagai Johan Penyertaan Terbanyak Projek e-Sulam Innovate 2021 dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000.



Sebanyak 253 penyertaan projek e-Sulam telah dipertandingkan hasil daripada pelajar-pelajar Asasi Sains dan Kejuruteraan yang mengambil subjek English for Foundation Studies II (ELC081) dan para pensyarah Akademi Pengajaran Bahasa sebagai penasihat setiap projek.

Lebih membanggakan, salah satu penyertaan Projek e-Sulam dari Pusat Asasi UiTM yang bertajuk 'Counselling Awareness' telah menjadi salah satu finalis dan layak untuk bertanding dalam sesi Pitching Peringkat Akhir pertandingan tersebut.

e-Service Learning Malaysia (e-SULAM) adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang dijalankan secara dalam talian.

Pemenang GOLD - iCAN2021 - Evaluation of Digitalizing Pre-Hospital Care Services Via Internet of Things (IoT) Platform

PENULIS : NURUL HANNAN MAHMUD



Tahniah diucapkan kepada Najwa Rawaida Ahmad Fauzi dan Rabiatuladawiah Akbar di atas kejayaan ini. Kejayaan ini turut dikongsi dengan empat ahli pasukan iaitu Azwati Azmin, Aiza Mahyuni Mozi, Zafira Faiza dari UiTM Pulau Pinang dan Dr Wan Mohd Yusof Rahiman dari USM.

Objektif projek ini adalah untuk menambah baik Pre-Hospital Care (PHC) atau Penjagaan Pra Hospital di dalam membangunkan platform digital untuk PHC. Projek inovasi ini adalah suatu idea yang dilahirkan untuk membantu pesakit mendapat rawatan yang tepat semasa Pre-Hospital Care (PHC), terutamanya pesakit yang kritikal.

The 6th International Invention Innovation Competition in Canada (iCAN 2021) adalah projek yang dianjurkan oleh Toronto International Society of Innovation & Advanced Skills (TISIAS) pada 28 Ogos 2021 secara virtual.

Best Paper Award - ICGSCE 2021

International Conference on Global Sustainability and Chemical Engineering

PENULIS : NORHISYAM HUSSIN

Pada 14 – 15 September 2021 yang lalu, Dr. Aisyah Salihah telah menyertai persidangan “5th International Conference on Global Sustainability and Chemical Engineering (ICGSCE 2021)” anjuran Pengajian Kejuruteraan Kimia, Kolej Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Persidangan ini telah dihadiri oleh penyelidik dari dalam dan luar negara dan pembentang keynote merupakan dari United Kingdom, Australia, Jepun, China dan Malaysia. Pada persidangan ini, Dr. Aisyah telah membentang kertas kerja bertajuk “Chemical Constituents of Malaysian Vatica pauciflora (Dipterocarpaceae)” yang merupakan kajian mengenai pengasingan sebatian kimia daripada famili pokok balak.

Spesies daripada famili ini mempunyai kandungan oligomer resveratrol yang tinggi, iaitu sebatian kimia daripada kumpulan fenolik. Hasil pembentangan penyelidikan tersebut, beliau telah dianugerahkan “Best Presenter Award”.




Best Presenter Award at iBIOSDG 2021 - Phytochemical Screening of Malaysian Dipterocarpaceae Species from Kuala Keniam, Taman Negara Pahang

PENULIS : NURUL HANNAN MAHMUD

Sekalung tahniah diucapkan kepada Cik Noorazlina Adnan di atas anugerah Best Presenter Award di International Conference on Biodiversity and Sustainable Development 2021 (iBIOSDG 2021). Konferensi ini diadakan pada 24 November 2021.

Dengan tema “Biodiversity in the 21st century: Transformation in biological diversity and science in supporting the Sustainable Development Goals”, persidangan ini adalah satu initiatif untuk memberikan platform kepada para akademia, sektor kerajaan, pengajur SGDs dan sektor swasta dalam usaha bersama-sama mencari strategi-strategi dan jalan penyelesaian untuk mencapai 17 Sustainable Development Goals.

Persidangan ini merangkumi penyelidikan, reka bentuk, inovasi dan penambahbaikan akan membantu mempertingkatkan sistem, kaedah dan pendekatan, khususnya dalam pembangunan mampan dan biodiversiti.



MAKSAK Games 2021 (Peringkat Kebangsaan) - CATUR

PENULIS : NUR SYAFIQAH ABDUL KADAR



Pada 25-28 November 2021, telah berlangsung kejohanan MAKSAK Games 2021, iaitu kejohanan sukan ‘indoor’ yang disertai oleh seluruh ahli gabungan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Pasukan MAKSAK Selangor telah menghantar sebanyak 7 orang pegawai dan kakitangan beserta seorang jurulatih ke kejohanan berkenaan. Pasukan MAKSAK Selangor telah diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Selayang bagi acara catur.

